

Empat emas wajib milik Malaysia

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY
BADLISHAH

KONFEDERASI Hoki Malaysia (MHC) melaungkan keyakinan tinggi mereka mampu menghadiahkan empat pingat emas kepada kontinjen Malaysia pada temasya Sukan SEA 2023 di Phnom Penh, Kemboja dari 5 hingga 16 Mei tahun depan.

Timbalan Presiden MHC, Profesor Datuk Dr. S. Shamala menegaskan, tiada alasan buat mereka gagal melakukannya memandangkan Malaysia sememangnya diketahui sebagai kuasa hoki No.1 di rantau Asia Tenggara.

“Berita paling baik adalah hoki kembali (dianjurkan) di Sukan SEA setelah sekian lama. MSN (Majlis Sukan Negara) memberi sokongan kepada persiapan untuk kita mendapatkan empat emas di Kemboja.

“Memang berat, tetapi saya rasa ini satu penghormatan buat sukan hoki tanah air. Kita mesti, wajib dapatkan empat emas di Sukan SEA nanti,” katanya selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kerja di MSN, Bukit Jalil semalam.

Majlis Persekutuan Sukan Asia Tenggara (SEAGF) dalam

satu kenyataan baru-baru ini memaklumkan, sukan hoki bagi acara padang dan dalam dewan lelaki serta wanita kembali dianjurkan untuk Sukan SEA Kemboja 2023.

Kali terakhir acara hoki padang dan hoki dalam dewan dianjurkan serentak dalam satu temasya Sukan SEA adalah sewaktu edisi 2017 di Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, hanya hoki dalam dewan dianjurkan dua tahun kemudian pada Sukan SEA Manila 2019 di Filipina yang menyaksikan Malaysia muncul juara kategori lelaki dan wanita.

Edisi terakhir Sukan SEA di Vietnam tahun lepas pula menyaksikan tuan rumah membuat keputusan tidak menganjurkan acara hoki padang dan hoki dalam dewan, sekali gus menyebabkan Malaysia ‘kehilangan’ empat pingat emas yang menjadi taruhan.

Sebagai rekod, skuad lelaki negara tidak pernah gagal memenangi pingat emas acara hoki padang di temasya Sukan SEA sejak edisi Singapura 1973, manakala pasukan wanita juga merupakan juara bertahan sejak edisi Jakarta 1997.



SKUAD hoki lelaki negara dijangka tidak berdepan masalah untuk mempertahankan pingat emas pada saingan Sukan SEA Phnom Penh tahun hadapan. – FB MHC